

ZPP agih sugu hati raya RM5.7 juta kepada asnaf fakir dan miskin



Ahmad Zakiyuddin (tengah) menyerahkan replika cek sugu hati Aidilfitri kepada wakil jawatankuasa kariah Masjid Ibadul Rahman di Kepala Batas pada Khamis.

GEORGETOWN - Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengagihkan kira-kira RM5.7 juta wang zakat kepada asnaf fakir dan miskin sebagai sugu hati menyambut Aidilfitri tidak lama lagi.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, program tahunan ZPP itu melibatkan seramai 9,366 orang fakir dan miskin yang dikenal pasti oleh seluruh kariah masjid di negeri tersebut.

“Dalam pelaksanaan agihan dana zakat, asnaf fakir dan miskin adalah dua dhu’afa yang berbeza tetapi statusnya hampir sama.

“Kedua-dua golongan dhu’afa ini

tidak mampu menguruskan kehidupan harian kerana ekonomi mereka lemah.

“Oleh itu, mereka berhak mendapat agihan zakat bagi keperluan hidup sehingga kembali menjadi seorang yang kaya dan dapat mengurus serta menghasilkan pendapatan daripada hartanya,” katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Sugu hati Hari Raya 2022 di Masjid Ibadul Rahman, Kepala Batas pada Khamis.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Timbalan Ketua Menteri 1 berkata, selain meringankan beban hidup, bantuan yang diberikan diharap dapat menceria



Ahmad Zakiyuddin (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang asnaf pada

Majlis Penyerahan Sugu hati Hari Raya 2022 di Masjid Ibadul Rahman, Kepala Batas pada

kan Aidilfitri yang akan diraikan nanti. “Diharapkan dengan bantuan yang disalurkan ini dapat digunakan sebaik mungkin untuk menampung kos kehidupan seharian dan meningkatkan ke taatan kepada ALLAH serta mengeratkan tali persaudaraan sesama Muslim selaras dengan hikmah ibadat zakat khususnya zakat fitrah yang diwajibkan ke atas semua umat Islam di bulan Ramadan,” ujarnya.

Sementara itu, Amran berkata, jumlah peruntukan bagi sugu hati hari raya tahun ini meningkat sebanyak RM1.43 juta berbanding 2021.

Katanya, amaun sugu hati yang diterima oleh seorang asnaf juga me-

tingkat iaitu bagi fakir miskin akan menerima RM700 berbanding 2021 iaitu sebanyak RM500.

Bagi asnaf miskin pula menerima sebanyak RM600 berbanding RM450 pada 2021.

“Peningkatan jumlah diterima oleh asnaf ini berdasarkan peruntukan diluluskan yang merujuk kepada anggaran kutipan zakat fitrah pada tahun ini iaitu RM6.5 juta yang disasarkan.

“Kesemua sugu hati ini disalurkan kepada asnaf menerusi kerjasama dengan pihak kariah masjid yang berperanan sebagai pihak yang mengenal pasti asnaf dan ia telah diagihkan secara berperingkat mulai 18 April lalu,” jelasnya.